



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA  
(*Department of Agriculture Malaysia*)  
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
WISMA TANI  
ARAS 7 - 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA

Tel: 603-8870 3042 / 3038  
Faks: 603-8870 3044  
E-mel: pro@doa.gov.my  
Portal Rasmi: www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP. BK. (S) 500-6/3/1 Jld.3 (42)  
Tarikh : 19 April 2024

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan,

### PENGURUSAN PRESTASI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SERTA KUMPULAN PELAKSANA SECARA *DUAL SYSTEM* MELALUI SISTEM HRMIS BAGI TAHUN 2024 JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan surat KP/PSM/S/154/2/2024 Jld. 2 (7) bertarikh 4 April 2024 adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan sedia maklum, sistem pengurusan prestasi berasaskan fungsi jabatan iaitu *MyPerformance* mula dilaksanakan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana pada 1 Januari 2024. *MyPerformance* akan menggantikan sistem penilaian prestasi yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 iaitu Modul Pengurusan Prestasi – LNPT HRMIS.
  
3. Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menetapkan **tempoh dua (2) tahun bermula 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2023 sebagai tempoh familiarisasi *MyPerformance*.** Namun, selaras dengan surat rujukan JPA.(S).600-13/1/21 Jld. 2 (2) bertarikh 19 Januari 2024, **dimaklumkan bahawa tempoh familiarisasi *MyPerformance* telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2024.** Sepanjang tempoh tersebut, pengurusan prestasi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana hendaklah menggunakan LNPT HRMIS dan *MyPerformance* HRMIS secara serentak (*dual system*).

#### ANDA KAMI UTAMAKAN



MS ISO 9001:2015 (DSM 000565)



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

4. Sepanjang pelaksanaan *dual system* ini, **Borang Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dihentikan** penggunaannya dan **digantikan dengan Sasaran Kerja Utama (SKU)** di bawah Modul *MyPerformance* HRMIS. Oleh itu, hasil pencapaian SKU ini **hendaklah dirujuk** oleh Pegawai Penilai (PP) semasa menilai LNPT Pegawai. Markah LNPT pada tahun 2024 di bawah Modul Pengurusan Prestasi – **LNPT HRMIS akan kekal digunakan bagi urusan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) yang dilaksanakan pada tahun 2025** termasuklah Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) dan Hadiah Latihan Persekutuan.
5. Pelaksanaan SKU di bawah Modul *MyPerformance* HRMIS dan LNPT HRMIS mengikut tempoh yang telah ditetapkan adalah penting khususnya bagi melancarkan urusan Mesyuarat PPSM yang melibatkan PGT, Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang (APC), Pingat dan Darjah Kebesaran, perancangan keperluan latihan dan program kaunseling bagi pegawai yang berprestasi rendah. Sukacita dimaklumkan Ketua Jabatan perlulah meneliti Sub SKU kakitangan agar tugasan yang disenaraikan merangkumi kesemua tanggungjawab pegawai berdasarkan *Job Description* masing-masing.
6. Sehubungan itu, bersama-sama ini dikemukakan jadual pengisian penilaian LNPT dan *MyPerformance* Jabatan Pertanian Malaysia bagi Tahun 2024 seperti di **Lampiran A** untuk tindakan dan perhatian YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan.
7. Selain itu, bagi melancarkan urusan PGT bagi tahun 2025, pegawai yang **bertukar keluar/ cuti belajar bergaji penuh (CBBP)/ bakal bersara** hendaklah **menyelesaikan urusan ini serta membuat penilaian bagi pegawai-pegawai** di bawah seliaan masing-masing sebelum diputus sandang dalam Sistem HRMIS (putus sandang bagi bakal pesara). Pegawai yang bertukar masuk ke Jabatan ini dalam tahun 2024 hendaklah dinilai LNPT di **penempatan yang lebih lama** dan pengesahan LNPT serta surat PGT akan dilaksanakan di penempatan tersebut
8. Untuk makluman YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan, Mesyuarat PPSM amat menitik berat akan penilaian prestasi dilaksanakan secara **teratur, objektif, adil** dan **telus** berdasarkan panduan berikut:

- i. Penilaian dilaksanakan **secara berterusan** berdasarkan pencapaian kerja sebenar Pegawai yang Dinilai (PYD) sepanjang tahun yang dinilai;
  - ii. Penilaian **tidak dilaksanakan secara tergesa-gesa** atau di saat-saat akhir;
  - iii. Penilaian dilaksanakan **tanpa dipengaruhi oleh prestasi tahun-tahun sebelumnya**;
  - iv. Penilaian dilaksanakan dengan keyakinan bahawa PYD merupakan aset terpenting yang perlu dan boleh dimajukan dari semasa ke semasa;
  - v. Penilaian **tidak dipengaruhi** oleh faktor yang boleh dianggap sebagai pilih kasih;
  - vi. Pegawai penilai **tidak bersifat terlalu murah hati** (*lenient*) atau sebaliknya;
  - vii. Pegawai penilai tidak mengambil jalan mudah dengan **memberi markah dalam lingkungan pertengahan sahaja**; dan
  - viii. **Tidak memberi perhatian yang lebih kepada perkara yang baru berlaku**, sama ada bersifat positif atau negatif, yang boleh mempengaruhi penilaian keseluruhan pegawai.
9. Kerjasama YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan dalam **mematuhi tarikh-tarikh yang dinyatakan** di Lampiran A adalah amat diharapkan terutamanya bagi memastikan urusan PPSM kakitangan Jabatan Pertanian Malaysia berjalan lancar. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila ajukan pertanyaan melalui emel [prestasihq@doa.gov.my](mailto:prestasihq@doa.gov.my).


10. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Ts./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
SAIFUL NAZRI BIN A. RAHMAN  
19/4/24

(SAIFUL NAZRI BIN A. RAHMAN)  
Pengarah  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
b.p. Ketua Pengarah Pertanian  
Jabatan Pertanian Malaysia

s.k. Ketua Pengarah Pertanian

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Regulatori)

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Industri & Pengembangan)

KPP (BK) P, KPP (BK) W, KPP (BK) A

PPTK (BK) T, PPT (BK) P1, PPT (BK) P2, KPT (BK) S, KPT (BK) H

Fail timbul

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian

Pengarah Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Tanah

Pengarah Bahagian Perancangan Strategik

Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Pengarah Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman

Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman

Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan

Pengarah Bahagian Kejuruteraan Pertanian

Pengarah Bahagian Pertanian Bandar

Pengarah Bahagian Perkhidmatan Makmal

Ketua Unit Integriti

Ketua Unit Komunikasi Korporat

Ketua Unit Undang-Undang

Pengarah

Jabatan Pertanian W.P. Labuan

Jalan Bukit Kuda

Kg. Kilan, Peti Surat 81163

**87021 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

## LAMPIRAN A

### JADUAL PENGISIAN LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) DAN MYPERFORMANCE SECARA SERENTAK (DUAL SYSTEM) MELALUI SISTEM HRMIS BAGI TAHUN 2024 JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

TARIKH	<i>MyPerformance</i>	LNPT
<b>Tarikh Akhir</b> 30 April 2024	Penilaian Pencapaian submodul SKU suku pertama	
<b>Tarikh Akhir</b> 15 Ogos 2024	Penilaian Pencapaian submodul SKU suku kedua	
<b>Tarikh Akhir</b> 30 November 2024	Penilaian Pencapaian submodul SKU suku ketiga serta <b>Penglibatan dan Sumbangan</b> yang telah disahkan oleh Pegawai Penilai (PP)	Penilaian prestasi oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP)
	Penilaian Kompetensi Tingkah Laku oleh PP	
<b>Tarikh Akhir</b> 15 Disember 2024	<b>Penilaian semula</b> oleh Penilai Semula (PS) sekiranya berkaitan*	Penilaian prestasi oleh Pegawai Penilai Kedua (PPK)
15 – 31 Januari 2025	Penilaian Sepunya oleh Pegawai Yang Dinilai (PYD), PP, Pegawai Rakan Sekerja (PRS2), dan Pegawai Bawah Seliaan (PRS3)	
11 Februari 2025		Mesyuarat PPSM

Nota:

- \* PYD yang mengemukakan **permohonan penilaian semula** hendaklah memaklumkan kepada Pentadbir **MyPerformance** Bahagian masing-masing untuk dihantar kepada Penilai Semula (PS).
1. Penilaian Tahun 2024 bagi **pegawai NEP** (PYD) yang bertugas di Pejabat Pertanian Daerah serta **Pegawai Kuasa Usaha** (PYD) yang dinilai oleh Pengarah Pertanian Negeri (PPP) yang mana masih belum menerima pakai *MyPerformance* masih perlu menggunakanapakai **SKT** dan **LNPT** melalui sistem HRMIS.

Singkatan:

- PYD – Pegawai Yang Dinilai
- PPP – Pegawai Penilai Pertama
- PPK – Pegawai Penilai Kedua
- PP – Pegawai Penilai
- PS – Penilai Semula